



Pengimbuhan ialah proses menambahkan imbuhan pada kata dasar untuk membentuk kata terbitan.

## Imbuhan



<b>Imbuhan Awalan</b>	beR- meN- peN- teR- di- se- ke-
<b>Imbuhan Akhiran</b>	-an -kan -i
<b>Imbuhan Aplitan (awalan dan akhiran)</b>	beR- ... -an    di- ... -kan    meN- ... -i beR- ... -kan    di- ... -i    meN- ... -kan peN- ... -an    ke- ... -an    memper- ... -kan
<b>Imbuhan Pinjaman</b>	juru-    maha-    tata-    pra- -man    -wan    -wati    -nita

### Imbuhan Awalan

- \* Pengimbuhan awalan peN-, meN-, beR- dan teR- akan berubah bentuk mengikut huruf pertama sesuatu kata dasar.
- \* Imbuhan awalan meN- : menerangkan sesuatu perbuatan.
- \* Imbuhan awalan peN- : menunjukkan pelaku, alat atau sifat.

Awalan meN- / peN-	Huruf awal	Contoh Kata Berimbuhan	
		me-	pe-
me- / pe-	l	lancong → melancong	lekat → pelekat
	m	minta → meminta	malu → pemalu
	n	nanti → menanti	naik → penaik
	ng	nganga → menganga	ngeri → pengeri
	ny	nyanyi → menyanyi	nyata → penyata
	r	ronda → meronda	rosak → perosak
	w	wabak → mewabak	warna → pewarna
	p (menjadi m)	pusing → memusing	panas → pemanas
	t (menjadi n)	tunjuk → menunjuk	tawan → penawan
	k (menjadi ng)	karang → mengarang	kesat → pengesat
s (menjadi ny)	sapu → menyapu	silap → penyilap	
mem- / pem-	b	beli → membeli	bina → pembina
	f	fitnah → memfitnah	fitnah → pemfitnah
men- / pen-	c	cuci → mencuci	cadang → pencadang
	z	zarah → menzarah	ziarah → penziarah
	d	dengar → mendengar	dingin → pendingin
	j	jemput → menjemput	jamin → penjamin
meng- / peng-	sy	syelek → mensyelek	syarah → pensyarah
	a	angkut → mengangkut	awas → pengawas
	e	elak → mengelak	edar → pengedar
	i	import → mengimport	intip → pengintip
	o	otot → mengotot	olah → pengolah
	u	ucap → mengucap	uji → penguji
menge- / penge-	g	gunting → menggunting	gosok → penggosok
	h	halang → menghalang	huni → penghuni
	kata ekasuku (satu suku kata)	bom → mengebom	bom → pengebom
		cat → mengecat	cat → pengecat
	lap → mengelap	lap → pengelap	
	pam → mengepam	pam → pengepam	

### PERHATIAN

Walaupun kebanyakan imbuhan kata nama dan kata kerja akan berubah mengikut huruf pertama sesuatu kata dasar namun ada juga perkataan-perkataan tertentu yang terkecuali daripada hukum tersebut.



sakit → pesakit	kerja → pekerja	ternak → menternak
tani → petani	kaji → mengkaji	pelawa → mempelawa

Awalan ber-	Keterangan	Contoh Kata Berimbuhan	
be-	apabila bertemu dengan kata dasar yang bermula dengan huruf 'r' dan kata dasar 'kerja'	renang → berenang risiko → berisiko rendam → berendam	reda → bereda riang → beriang rupa → berupa
bel-	hanya diimbuhkan pada kata dasar 'ajar'	ajar → belajar	
ber-	apabila bertemu dengan semua kata dasar kecuali kata dasar yang bermula dengan huruf 'r'	siul → bersiul nafas → bernafas mandi → bermandi	jalan → berjalan buah → berbuah telur → bertelur

Awalan teR-	Keterangan	Contoh Kata Berimbuhan	
te-	digunakan untuk kata dasar yang bermula dengan huruf r	rasa → terasa ringan → teringan	rencat → terencat rentak → terentak
ter-	digunakan untuk semua kata dasar kecuali yang bermula dengan huruf r	ingin → teringin dedah → terdedah pendek → terpendek	hidu → terhidu atur → teratur kejut → terkejut

Awalan	Contoh Kata Berimbuhan			
di-	dera → didera	tebang → ditebang	halau → dihalau	tahan → ditahan
ke-	kasih → kekasih	tujuh → ketujuh-tujuh	empat → keempat	hendak → kehendak
se-	tinggi → setinggi	keluarga → sekeluarga	padan → sepadan	pandai → sependai

**PERHATIAN**

- Bagi perkataan **kerja** yang dieja **bekerja**, r digugurkan, sebagai satu keculian.
- Demikian juga, bagi perkataan **ajar**, gabungan **ber-** dengannya menghasilkan bentuk keculian, iaitu **belajar**.

**Imbuhan akhiran** ialah imbuhan yang ditulis **di belakang** kata dasar.

1. Akhiran **-an** berfungsi untuk **membentuk kata nama**.
2. Akhiran **-kan** dan akhiran **-i** berfungsi untuk **membentuk kata kerja**.



Akhiran	Contoh Kata Berimbuhan			
-an	main → mainan tangis → tangisan	laut → lautan rancang → rancangan	rujuk → rujukan ingat → ingatan	
-kan	urus → uruskan	asing → asingkan	jelas → jelaskan	sampai → sampaikan
-i	dekat → dekati	cinta → cintal	atas → atasi	baik → baikl

**Imbuhan apitan** ialah imbuhan yang ditulis serentak **di hadapan** dan **di belakang** kata dasar. Imbuhan apitan digunakan untuk **membentuk kata nama** dan **kata kerja**.

meN-...-kan	meraikan, membesarkan, mendirikan, mengambilkan, mengeposkan	peN-...-an	pelaksanaan, pemberian, pendedahan, pengangkutan, pengebumian
meN-...-i	melawati, membanjiri, mendiami, menghadiahi, mengetuai	peR-...-an	persekutuan, perlawanan
mempeR-...-kan	mempertemukan, memperisterikan	ke-...-an	kenaikan, kegembiraan
mempeR-...-i	memperingati, memperakui	di-...-kan	dibuangkan, dibacakan
beR-...-an	bersorakan, berapitan	di-...-i	dirindui, dimasuki
beR-...-kan	beralaskan, berbekalkan	dipeR-...-kan	dipergunakan, diperdengarkan
pe-...-an	perasmian, peperiksaan	dipeR-...-i	diperingati, diperakui

Kaedah mengeja kata apitan (peN-...-an, peR-...-an, meN-...-kan dan meN-...-i) adalah **sama** dengan kaedah mengeja imbuhan awalan peN-, peR- dan meN-, **hanya imbuhan awalan akan berubah-ubah bentuk** bergantung kepada huruf pertama sesuatu perkataan.

**Imbuhan pinjaman** diterima melalui proses peminjaman daripada beberapa jenis bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Sanskrit. Imbuhan pinjaman ditulis sama ada di **hadapan** atau di **belakang** kata dasar untuk **membentuk kata nama**.

**Contohnya :** juru-, maha-, tata-, pra-, -wan, -man, -wati, -nita

<b>juru-</b>	Jurulatih, Jurubahasa
<b>maha-</b>	mahasiswa, maharaja
<b>tata-</b>	tatatertib, tatabahasa

<b>pra-</b>	prasangka, prasejarah
<b>-wan</b>	usahawan, wartawan
<b>-man</b>	budiman, seniman

<b>-wati</b>	olahragawati, peragawati
<b>-nita</b>	biduanita



**A. Isi tempat-tempat kosong dengan membubuh imbuhan awalan peN- yang sesuai pada kata dasar dalam kurungan.**

1. Razak bercita-cita untuk menjadi seorang \_\_\_\_\_ ( berita ) yang terkenal.
2. Pak Halim seorang yang \_\_\_\_\_ ( sayang ) sungguhpun wajahnya kelihatan garang.
3. Tukang kayu itu mengetuk paku dengan sebatang \_\_\_\_\_ ( tukul ).
4. \_\_\_\_\_ ( arah ) syarikat itu telah ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana terbabit dalam kegiatan rasuah.
5. Encik Rosman bekerja sebagai \_\_\_\_\_ ( syarah ) di Universiti Malaya.
6. \_\_\_\_\_ ( datang ) asing yang ingin bekerja di negara ini mesti mendapat permit kerja terlebih dahulu.
7. Kerajaan mengawal harga barang keperluan harian untuk menjaga kepentingan \_\_\_\_\_ ( guna ).
8. Ibu menggunakan \_\_\_\_\_ ( tapis ) untuk mengasingkan hampas kelapa daripada santan.

**B. Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan kata dasar berimbuhan yang sesuai.**

berpindah	sesedap	ketua	diragut
terpesona	tersendiri	ditegur	kehendak

1. Khairul menurut segala \_\_\_\_\_ orang tuanya.
2. Perangai nakal Johari semakin melampau walaupun sudah beberapa kali \_\_\_\_\_ oleh gurunya.
3. Pelancong dari Australia itu \_\_\_\_\_ oleh keindahan Pulau Tioman.
4. Kuih yang dijual di gerai itu tidak \_\_\_\_\_ kuih yang dibuat oleh nenek.
5. Penduduk kawasan perumahan yang dilanda banjir itu telah \_\_\_\_\_ ke kawasan yang selamat.
6. Hisham berasa bangga kerana dilantik sebagai \_\_\_\_\_ pengawas di sekolahnya.
7. Beg tangan Linda telah \_\_\_\_\_ sewaktu dia berjalan berseorangan di lorong itu.
8. Mak Leha mempunyai cara \_\_\_\_\_ untuk memasak rendang daging.

c. **Padankan perkataan yang berimbuhan pinjaman dengan maksudnya.**

- |                 |   |
|-----------------|---|
| 1. wartawan •   | • orang yang banyak menghasilkan karya sastera                                      |
| 2. tatatertib • | • orang yang menulis berita atau rencana untuk surat khabar atau majalah            |
| 3. sasterawan • | • peraturan yang mesti dipatuhi   |
| 4. dwibahasa •  | • anggapan buruk terhadap sesuatu atau seseorang sebelum mengetahui yang sebenarnya |
| 5. prasangka •  | • sesuatu yang ditulis dalam dua bahasa   |

d. **Tambahkan imbuhan akhiran yang betul pada kata dasar yang bergaris. Kemudian, tulis perkataan itu di dalam ruang yang disediakan.**

Contoh : Ibu menjemur pakaian di ampai.

ampaian

- |  |                      |
|--|----------------------|
| 1. Permintaan terhadap barangan buatan <u>tempat</u> telah meningkat kebelakangan ini. | <input type="text"/> |
| 2. <u>Hakis</u> tanah dapat dielakkan jika penerokaan hutan dikawal.                   | <input type="text"/> |
| 3. Sikap Pak Hassan yang suka membantu orang akan saya <u>contoh</u> .                 | <input type="text"/> |
| 4. <u>Siasat</u> aduan itu masih dijalankan.   | <input type="text"/> |
| 5. Tolong <u>masuk</u> bungkusan plastik ini ke dalam kotak itu.                       | <input type="text"/> |
| 6. Singki yang tersumbat itu telah saya <u>baik</u> .                                  | <input type="text"/> |
| 7. "Jangan <u>biar</u> adik kamu bermain di luar," kata ibu kepada Amir.               | <input type="text"/> |

e. **Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.**

- |               |             |               |           |
|---------------|-------------|---------------|-----------|
| menasihati    | berpandukan | menyekolahkan | merupakan |
| bertempiraran | penginapan  | kesakitan     | dimajukan |

- Kakak menahan \_\_\_\_\_ apabila jarinya tersepit di celah pintu bilik.
- Mereka lari \_\_\_\_\_ untuk mencari tempat berlindung apabila hujan lebat turun secara dengan mendadak.
- Puan Nabilah yang cekal \_\_\_\_\_ kelima-lima orang anaknya sehingga tamat pengajian tinggi setelah kematian suaminya.
- Mereka menjawab soalan latihan yang diberikan oleh Cikgu Mastura dengan \_\_\_\_\_ buku rujukan.
- Kawasan yang terbiar itu akan \_\_\_\_\_ oleh kerajaan tidak lama lagi.
- Cikgu Salmah \_\_\_\_\_ kami supaya membaca soalan ujian itu dengan teliti sebelum menjawabnya.
- Tempat \_\_\_\_\_ yang selesa merupakan salah satu faktor penting untuk menarik pelancong ke kawasan peranginan itu.
- Amalan menghisap rokok \_\_\_\_\_ salah satu punca yang mengakibatkan penyakit barah paru-paru.